

# UMS terima peralatan penanaman rumpai laut

UB 11.12.2023 P.08

**KOTA KINABALU:** Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Penyerahan Peralatan Penanaman Rumpai Laut di Jeti UMS, baru-baru ini.

Program itu antara lain bertujuan merasmikan penyerahan peralatan penanaman rumpai laut daripada Jabatan Perikanan Sabah kepada UMS.

Selain itu, ia juga merupakan salah satu aktiviti di bawah memorandum persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada bulan Jun tahun ini.

Majlis penyerahan itu disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pengurusan Industri Perikanan dan Pelaburan), Irman Isnain mewakili Pengarah Jabatan Perikanan Sabah.

Salah satu tujuan penyerahan peralatan penanaman rumpai laut kepada pihak UMS adalah untuk mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara dua agensi bagi memacu penyelidikan berkaitan rumpai laut yang merupakan salah satu industri penting dan berpotensi tinggi di Malaysia.

Selain daripada penyerahan peralatan, satu ladang

contoh turut dibangunkan berhampiran dengan jeti UMS.

Jalinan kerjasama antara Jabatan Perikanan dengan pihak UMS diharapkan mampu meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan rumpai laut di Sabah.

Selaras dengan sasaran Jabatan Perikanan dalam Pelan Sabah Maju Jaya, industri ini disasar untuk membangun dalam semua rantaian nilainya, termasuk pembukaan kawasan kawasan baru, membangun aktiviti hulu dan hiliran serta membangun modal insan dalam industri ini.

Sehubungan dengan itu

UMS berperanan dalam membantu aspek pembangunan modal insan untuk membolehkan industri ini berkembang di masa depan dengan mengambil kira kelebihan perairan negeri ini yang sangat sesuai untuk penanaman rumpai laut.

Untuk rekod, seramai lebih kurang 30 orang hadirin terdiri daripada pegawai Jabatan Perikanan Sabah, pensyarah UMS dan staf sokongan telah hadir memeriahkan majlis ringkas tersebut.

Hadir sama Pengarah IPMB UMS, Profesor Madya Dr. Faihana Ching Abdullah.